



Kehilangan MH370: Muslihat dan Keangkuhan Barat

MISTERI kehilangan pesawat MH370 sebenarnya menguji pendukung kemajuan industri penerbangan moden. Negara yang mengawal selainya seperti Malaysia diuji pula dengan hubungan diplomasi antarabangsa dalam menyelesaikan krisis kemanusiaan yang tidak pernah terjadi dalam sejarah industri penerbangan moden. Daripada 227 jumlah penumpang, 153 adalah rakyat dari negara China. Bakinya terdapat 13 kerakyatan warganegara lain.

Hampir seluruh liputan media antarabangsa memaparkan kritikan dan ketidakpuasan oleh ahli keluarga penumpang dari China terhadap Malaysia. Tetapi tiada langsung berita tentang ketidakpuasan ahli keluarga kepada Malaysia yang bakinya daripada warganegara lain. Jika adapun, mereka tidak digambarkan seperti memberontak atau hilang punca akal dan beremosi seperti ahli keluarga penumpang dari China.

Liputan media barat yang berlebih-lebihan mengentahkan perasaan ahli keluarga penumpang China sebenarnya mahu memperkecilkan kredibiliti kuasa besar negara Asia itu dengan menonjolkan masyarakat mereka seperti tidak rasional, menolak rundingan, lemah dan tertekan. Selepas 25 negara menawarkan bantuan operasi mencari MH370, media barat sekali

lagi memperkecilkan pula teknologi negara China itu dengan gambaran dan nada yang agak sinikal apabila berkali-kali memaparkan sebuah sampan kecil dengan 5 anak kapal di dalamnya turun daripada kapal Haixun 01. Mereka kemudiannya mengeluarkan peranti pengesan gelombang kotak hitam sebesar 'mangkuk sup' dengan meletakkannya hanya sekaki daripada aras permukaan laut. Anahnya, bacaan peranti itu dapat mengesan denyutan gelombang signal yang dipercayai mempunyai kaitan kotak hitam pesawat MH370.

Gambaran sebegini yang dipaparkan kepada tontonan umum sebenarnya mahu menjelaskan kepada dunia bahawa kepakaran dan teknologi China tidaklah secanggih mana yang bandingannya jauh daripada kemajuan teknologi terkini disertai kaedah sains gunaan yang dirunut dengan induksi logikal dan kompleksiti kepakaran dalam bidang maritim. Lantas itu, *The Associated Press* (AP) memetik kenyataan pakar barat dalam bidang oseanografi bahawa denyutan gelombang yang diperoleh oleh Haixun 01 adalah 'kebarangkalian ada kaitan dengan kotak hitam, akan tetapi teramatlah mustahil jika keputusan signal diperoleh sebegini'. Media AP memetik kenyataan pakar ini dengan gambaran yang sinis tetapi agak bersopan.

Tidak kurang juga *The Cable News Network* (CNN) dengan laporan yang agak provokatif telah menyenaraikan 10 kesimpulan ke atas penemuan signal oleh Haixun. Mereka menyatakan hanya 4 daripada 10 kesimpulan boleh dikaitkan dengan kemungkinan ada kaitan dengan pesawat adalah logik. Tetapi 6 daripada 10 kesimpulan adalah tidak logik sama sekali serta jauh daripada hukum sains gunaan di lautan dan kaitannya dengan teknologi penerbangan. Agak provokatif tetapi lebih manipulatif dalam menerjemahkan fakta sains dengan mengambil 6 kesimpulan yang tidak logik mendominasi 4 kesimpulan yang tampak logik.

Apa yang mereka ingin katakan sebenarnya, "Hey! cara anda mencari kapal yang hilang sangat ketinggalan zaman". Akan tetapi tidak mudah untuk mereka mengungkap kenyataan sebegini. Hakikatnya, suatu kreativiti media barat dalam menyampaikan berita bagi memburukkan musuh mereka dengan cara mengembalikannya interpretasi audiens menilai fakta sains yang diberitakan. Kelicikan media barat menonjolkan pelbagai gambaran dan kenyataan yang berbentuk *symbolic inferiority* terhadap negara China sebenarnya memperlihatkan keangku-

han mereka dengan ketaasuban sains dan teknologi moden yang dibangunkan oleh negara Barat.

MERAH KEUNTUNGAN DENGAN BERITA SENSASI

Cara yang sama juga digunakan ke atas pihak berkuasa Malaysia yang bertanggungjawab menyelesaikan kehilangan MH370. Media barat memperkecilkan Malaysia dengan menyalahkan pihak tentera tidak mengesan daripada awal ketika MH370 melakukan *air turn back* serta merentasi semenanjung dalam jangka masa sejam. Mereka menganggap kelalaian ini ialah satu skandal bagi keselamatan negara. Ironinya, sebulan kemudian, CNN memperoleh maklumat baharu yang tentera Malaysia ada menggunakan jet pejuang mencari MH370 sejauh sahaja pesawat itu melakukan *air turn back*. Tetapi pihak tentera menafikannya. Walau bagaimanapun, media barat yakin dengan maklumat yang diperoleh serta melihat masalah ini sebagai isu kredibiliti pihak berkuasa Malaysia.

Kaedah memperoleh maklumat sifatnya adalah terbuka bagi media antarabangsa. Jika mereka tidak memperoleh maklumat yang secukupnya daripada pihak berkuasa, mereka akan mencari maklumat selebihnya daripada orang awam melalui khabar angin yang tidak autoritatif tetapi mempunyai hubungan dan kepentingan dengan kerajaan Malaysia. Jika maklumat itu bertentangan dengan sesuatu yang autoritatif, impak penerimaan pembaca secara sensasi akan lebih tinggi. Ini menguntungkan syarikat yang menaja media tersebut.

Penulis ingin mengutarakan persoalan kepada media barat tentang isu kredibiliti ini. Jika mereka pada mulanya menempelak kegagalan pertahanan negara sebagai satu skandal, kemudian mengeluarkan kenyataan pihak tentera ada mengesan pergerakan MH370 dan bertindak segera mencarinya, maka kepada siapakah isu kredibiliti ini perlu diajukan? Jika pihak

media barat ingin mengemukakan fakta sebegini dengan mengembalikannya semula kepada interpretasi audiens, maka sukalah penulis mentafsirnya bahawa isu kredibiliti ini sebenarnya berpunca daripada media barat itu sendiri, bukannya daripada kerajaan Malaysia.

Media barat hakikatnya mengeluarkan fakta yang bercanggah yang sukar untuk dipercayai jika kita mengamati susur galur pembawaan berita mereka daripada permulaan peristiwa kehilangan MH370 hinggalah ke hari ini. Jika kenyataan skandal itu hanyalah satu pendapat, namun ia telah menyebabkan isu tersebut berbentuk tuduhan yang tidak berasas apabila mereka kemudiannya mengeluarkan kedapatan maklumat lain berbentuk kontras. Maka, jelaslah media barat mempunyai masalah mereka sendiri berkaitan kredibiliti serta isu kesahihan berita yang mereka laporkan kepada dunia.

Media barat juga berkali-kali memburukkan imej pihak berkuasa Malaysia dengan menyatakan maklumat yang diterima tidak konsisten dan tidak selari di antara organisasi-organisasi kerajaan yang menjalankan siasatan kehilangan MH370. Perkara ini digembur-gemburkan oleh mereka sehingga keluarga penumpang warga China mengkritik cara Malaysia mengendalikan kes ini. Realitinya, memburukkan imej Malaysia hanyalah dijadikan alasan oleh media barat untuk lari daripada lubuk sebenar masalah mereka. Walhal, isu kehilangan MH370 juga menjadi tanggungjawab organisasi penerbangan antarabangsa yang mengeluarkan pesawat komersial seperti Syarikat Boeing dan *Rolls-Royce*. Malaysia hanyalah sebagai operator yang mengendalikan sebahagian milik pesawat keluaran mereka. Sebaliknya, kelemahan teknologi pihak pengeluar selepas kehilangan pesawat tidak dikritik langsung oleh media barat. Persoalannya, kenapa media barat mempersalahkan seratus peratus masalah kehilangan MH370 kepada Malaysia?

Dakwaan rampasan untuk elak kelemahan?

PENDUKUNG kemajuan industri penerbangan moden melalu pengeluaran pesawat penumpang seperti Boeing, Airbus, Lockheed, Bombardier, Ilyushin, Antonov, Concorde dan lain-lain telah berusaha sedaya upaya mengeluarkan pesawat penumpang dengan ciri-ciri keselamatan termoden serta dipertingkatkan dengan kemajuan sistem telekomunikasi terkini. Maka, jika berlaku nahas pesawat yang dibuktikan kerana masalah mekanikal, mereka mengakui kelemahan tersebut dan bersedia untuk mempertingkatkan teknologi pesawat dengan rekaan baharu yang lebih terjamin keselamatannya.

Kenapakah media barat lebih gemar mendominasi teori rampasan pengganas dan juruterbang membunuh diri sebagai punca kehilangan MH370? Kedua-dua teori ini terletak jawapan bagi masalah utama mereka yang mengganggu kredibiliti negara dunia ketiga. Sejak peristiwa September 11, isu rampasan pesawat oleh pengganas menjadi ancaman utama keselamatan Amerika Syarikat. Amanan ancaman tersebut diperluaskan juga ke atas kepentingan Amerika di negara-negara sedang membangun.

Akan tetapi, jika pesawat itu hilang tanpa dikesan, mereka dengan cepat membuat spekulasi yang pesawat itu telah dirampas oleh pengganas atau cubaan juruterbang untuk membunuh diri. Mereka sebolehnya mengelak daripada menjadikan masalah mekanikal pesawat sebagai punca utama kehilangan MH370. Ini adalah satu kaedah penafian bagi mengalih perhatian dunia daripada masalah sebenar mereka kepada masalah negara dunia ketiga.

dengan kaedah *suicide bombing* telah menjadi satu standard transnasional bagi pengganas pada masa kini.

Teori rampasan pesawat oleh pengganas didukung kebanyakan ahli politik Amerika serta negara-negara Barat. Mereka melihat isu terrorism telah menjadi motif politik gerakan pengganas antarabangsa sejak Presiden Bush melancarkan kempen *War on Terror* bersama negara-negara NATO selepas peristiwa 9/11. Walaupun keselamatan di lapangan terbang dipertingkatkan sejak peristiwa tersebut, ancaman pengganas menggunakan taktik rampasan pesawat tidak menurun, malah semakin meningkat.

Walaupun begitu sebelum peristiwa 9/11, rampasan pesawat hangat diperkatakan pada akhir tahun 80-an hingga pertengahan tahun 90-an. Peristiwa letupan pesawat oleh pengganas di Lockerbie, Scotland pada Disember, 1988 mengorbankan 187 warga Amerika daripada keseluruhan 270 penumpang telah membuatkan Amerika lebih berwaspada.

Dari tahun 1988 hingga tahun 1997, 18 rampasan pesawat telah berlaku serta menunjukkan peningkatan daripada 5 rampasan dari tahun 1978 hingga tahun 1987. Sejak itu, Presiden Bill Clinton meletakkan keselamatan penerbangan pesawat adalah elemen terbesar dalam strategi menentang keganasan.



TEORI BUNUH DIRI

Teori juruterbang membunuh diri dengan melibatkan pesawat lebih mendominasi pendukung industri pengeluaran penerbangan moden. Mereka adalah sebahagian besar industrialis dan kapitalis barat yang menjana pendapatan negara daripada segi sumbangan eksport. Syarikat Boeing adalah pengeksport terbesar Amerika daripada segi nilai dolar.

Boeing juga adalah kontraktor kedua terbesar di dalam senarai 100 kontraktor teratas bagi kerajaan persekutuan Amerika. Perolehan aset mereka sahaja melebihi 90 bilion dolar apabila merekodkan keuntungan 6 bilion dolar pada tahun lepas menunjukkan 24 peratus peningkatan daripada tahun sebelumnya. Pencapaian ini memperlihatkan permintaan global daripada negara dunia ketiga untuk memperluaskan industri penerbangan komersial mereka meningkat daripada tahun ke tahun.

Perniagaan ini sangat penting bagi pemilik dan pemegang saham dalam Syarikat Boeing. Mereka harus melobi kerajaan Amerika agar reputasi syarikat itu kekal terbaik di mata pelabur daripada dalam dan luar negara. Ini dapat dibuktikan apabila kerajaan Amerika menyediakan pinjaman jangka panjang sebanyak 10 bilion dolar kepada negara-negara sedang membangun yang mahu membeli pesawat buatan Syarikat Boeing. Perkara ini bukanlah mudah untuk dilaksanakan.

Ia memerlukan bantuan ahli politik dan diplomat Amerika yang berusaha melobi kerajaan mereka untuk meningkatkan jualan syarikat itu. Justeru, syarikat Boeing bukanlah

hanya syarikat perniagaan biasa. Ia mempunyai rangkaian kuasa politik Amerika yang mampu mempengaruhi keputusan kerajaan bagi pihak mereka. Masakan tidak, ketika pilihan raya presiden Amerika tahun 2008, pegawai eksekutif dan kakitangannya adalah penyumbang dana terbesar untuk kempen pemilihan Barack Obama.

Justeru, soal reputasi sangat penting bagi syarikat Boeing dalam menjaga kepentingan pelabur-pelabur mereka yang mempunyai kaitan langsung dengan ahli politik, diplomat dan tokoh korporat Amerika yang sebahagian mereka juga mempunyai kepentingan dalam industri telekomunikasi serta jurnalisme. Kehilangan atau nahas pesawat 'milik' mereka seperti MH370, jika boleh, mereka tidak akan sesekali mengaitkannya dengan masalah mekanikal pesawat.

Kehilangan MH370 jika dikaitkan dengan masalah mekanikal adalah satu tragedi bagi mereka. Jika punca kehilangan pesawat MH370 tidak dapat dibuktikan lagi kaitannya dengan masalah mekanikal, mereka mengambil kesempatan ini dengan mengalih perhatian dunia kepada isu juruterbangnya membunuh diri. Ini kerana, dalam keadaan dunia yang masih tidak pasti dengan nasib MH370, mereka mempunyai masa mengatur strategi membaiki reputasi syarikat jika punca kehilangan MH370 dibuktikan punya kaitan dengan masalah mekanikal.

Bagi mereka, mengemukakan teori juruterbang membunuh diri dapat mengurangkan risiko reputasi negatif mereka kepada isu lokal yang hanya

ditujukan kepada negara operator yang mendendalikan pesawat mereka. Jika dibandingkan isu rampasan pesawat oleh pengganas, risiko reputasi lebih bersifat global. Jika isu ini menjadi satu persepsi standard kepada pelabur, ia memerlukan jangka waktu yang panjang untuk mengembalikan keyakinan pelabur kerana isu terrorisme bersifat transnasional yang mana motif pengganas menyerang pesawat mereka bertujuan memusnahkan kepentingan Amerika.

Oleh kerana itu, sejourus kehilangan MH370 media barat terus memberitahu kepada dunia bahawa pesawat Boeing model 777-200ER adalah pesawat komersial yang paling selamat digunakan. Siapakah yang mengiktiraf kenyataan sebegini? Malah pendukung kemajuan industri penerbangan moden tidak pernah mengatakan sebegini. Jika kita bertanyakan kepada Rusia, pesawat komersial apakah yang terbaik di dunia?

Sudah tentu mereka menjawab ia daripada keluaran Ilyushin iaitu pesawat buatan mereka sendiri. Maka, pernyataan 'terbaik' atau 'paling selamat' adalah sesuatu yang relatif jika maklumat itu berbentuk partisan atau mempunyai agenda propaganda. Justeru, pembawaan berita media barat mempunyai banyak muslihat yang kita tidak ketahui kebenarannya. Sifat begini menjurus kepada keangkuhan negara barat yang bersungguh-sungguh mempertahankan kemajuan teknologi mereka dengan cara manipulatif dan propaganda tanpa mengakui kelemahan sendiri. ❁



Dua orang Iran antara spekulasi asal yang enba dikaitkan dengan kehilangan MH370.



Syarikat Boeing dan Rolls-Royce sepatutnya turut dipertanggungjawabkan ke atas kehilangan MH370.